



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU  
JAAFAR**

### **KEMUNGKINAN KEJADIAN HUJAN LEBAT DI SARAWAK**

**14 JANUARI 2017 (SABTU)**

---

1. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) mengenai kemungkinan berlaku luruan sejuk lemah dan pembentukan Borneo vortex yang boleh menyebabkan hujan lebat bagi Barat Sarawak dari 17 hingga 19 Januari 2017, saya berharap agar penduduk di Barat Sarawak mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan banjir.
2. Berdasarkan *Rainfall Outlook Model*, bacaan jumlah hujan yang dijangka di terima untuk bulan Januari bagi Sarawak ialah sebanyak 2940mm dan Sabah sebanyak 2454mm. Di Sarawak pula tahap terimaan hujan adalah 58mm.
3. Berdasarkan ramalan penerimaan hujan lebat MetMalaysia di barat Sarawak, adalah dijangkakan kawasan berkemungkinan banjir adalah di kawasan-kawasan yang rendah dan kawasan yang mengalami masalah perparitan. Walaubagaimanapun, keadaan banjir bergantung kepada corak penerimaan taburan hujan secara spatial dan temporal. Sama ada menumpu di sesuatu kawasan atau turun secara menyeluruh, diterima secara berperingkat atau berterusan dalam tempoh masa yang singkat.

Air pasang besar juga boleh menyumbang kepada kejadian banjir berlaku.

4. Bagi negeri Sarawak, air pasang tinggi dijangka berlaku pada 10-18 Januari 2017, dan 27-31 Januari 2017. Sekiranya, hujan yang diterima adalah dalam tempoh masa yang singkat, risiko banjir kilat berlaku lebih tinggi dan banjir lebih tertumpu di kawasan-kawasan yang rendah dan mempunyai masalah sistem perparitan serta kawasan yang berisiko kepada kesan air pasang tinggi. Saya menggesa agar semua golongan masyarakat di kawasan barat Sarawak mengambil langkah sewajarnya dalam menghadapi kemungkinan banjir berikutan fenomena luruan sejuk lemah dan pembentukan Borneo vortex.